

Syor penggabungan AmBank, RHB terus dibincang

Cadangan penggabungan AM-MB Holdings Bhd (AmBank) dan RHB Bank Bhd serta minat Grab Holdings Inc terhadap kepentingan dalam bank itu masih kekal sebagai topik perbincangan di pasaran setakat ini, kata Pengerusi Emeritus/Penasihat Kehormat AmBank, Tan Sri Azman Hashim.

Sambil mengakui mengetahui topik itu telah lama berlegar di pasaran, beliau berkata, pada masa ini tiada sebarang perkembangan atau kemajuan baharu berkaitan cadangan berkenaan.

“Perbincangan (bualan di pasaran) akan berterusan, namun sehingga sekarang ia tidak lebih daripada sekadar cakap-cakap. Malah, tiada apa-apa yang rasmi mengenai perkara berkaitan Grab setakat ini.

“Memang terdapat banyak cadangan yang sedang kami perhalusi, tetapi tiada yang serius,” katanya kepada *Bernama* di luar Program Pemimpin PKS 2022 Yayasan Kepimpinan Perdana yang bertemakan Pertukaran Pengetahuan Bagi Kecemerlangan Keusahawanan di Putrajaya, semalam.

Bagaimanapun, Azman berkata, AmBank sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan digital yang turut membuka jalan pendigitalan sebagai langkah kemajuan ketika dunia banyak memberi tumpuan terhadap perbankan digital.

Menurutnya, bank itu juga telah melancarkan platform e-

perbankan menerusi kerjasama dengan institusi lain dalam bidang baharu selain meninjau pendigitalan dengan struktur

sedua walaupun tidak menyertai usaha mendapatkan lesen perbankan digital.

“Segmen e-perbankan kami telah berkembang pesat, kami tiada pilihan selain menyertai usaha serta persaingan (yang memerlukan penggunaan pendigitalan).

“Kami juga sentiasa mengemas kini serta mengeluarkan produk baharu berikutan peranan pendigitalan itu yang dianggap sebagai keperluan masa depan,” katanya.

Laporan sebelum ini menyen-



Azman Hashim

takan Grab yang juga syarikat seru pandu berpejabat di Singapura, berminat untuk membeli kepentingan dalam AmBank daripada dua pemegang saham terbesarnya, Australia and New Zealand Banking Group Ltd (ANZ) serta Azman.

ANZ memegang 21.68 peratus kepentingan dalam AmBank, manakala Azman sebanyak 11.83 peratus.

Azman telah melepaskan tugas sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif AmBank berkuat kuasa pada 31 Mac 2022 iaitu selepas berakhir tahun kewangan AmBank, namun kekal sebagai pengerusi dalam pelbagai entiti termasuk Institut Bank-Bank Bertauhan Asia, Asian Banking School Sdn Bhd, Financial Industry Collective Outreach (FINCO), Malaysia

South-South Corp Bhd dan Peratuan Ekonomi Malaysia-Jepun.

Beliau juga menyandang tugas sebagai Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana, Persatuan Selatan-Selatan Malaysia dan Majlis Penasihat Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim Universiti Teknologi Malaysia serta Pengerusi Emeritus Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC).

Usaha sama bank digital Grab, GXS Bank, telah diumumkan sebagai antara penerima lesen bank digital oleh Bank Negara Malaysia (BNM), baru-baru ini.

Pada awal tahun ini, Grab juga telah mengambil alih 16.3 peratus kepentingan dalam PT Bank Fama International Indonesia bagi mencari peluang di kawasan terbabit.

BERNAMA